

**naif**

Teruja, gembira, sedih, keliru, bangga dan pelbagai perasaan bercampur ketika membaca karya ini. Seakan tidak puas membaca kisahnya, seperti mahu lagi dan lagi. **Noralwani Modtrifi**

Kenaifan yang dikongsikan tidak mustahil masih ada yang tidak mengetahuinya walaupun pada zaman maklumat di hujung jari ini. Semoga pembaca dapat menghayati kemanisan hidup di perantauan di sebalik kelucuan naif. **Fae Firdaus**

Buku ini seronok dibaca oleh pembaca matang, terutamanya mereka yang pernah melalui pengalaman yang hampir sama dengan penulis. Membaca buku ini seolah-olah mengimbas kenangan saya sebagai seorang pelajar Melayu Muslim Malaysia di Amerika sekitar tahun 1990-an. **Rasidah Salleh**

Kisah beliau boleh dijadikan pengajaran dan teladan buat remaja yang ingin melanjutkan pelajaran ke luar negara bukan Islam. Nasihat dan tip yang diberikan amat berguna. Penulis menekankan betapa pentingnya persediaan mental, rohani, dan keterbukaan minda dalam menghadapi dunia luar. **Haizora Ibrahim**

Isu yang diketengahkan penulis berkaitan dengan islamofobia, LGBT, sensitiviti agama yang disentuh secara tidak langsung sangat sesuai dengan senario sekarang ini. **Dr. Sakinah Salleh**

Penulis banyak belajar daripada kesilapan, khususnya pertentangan budaya dan amalan masyarakat. Ini menjadikan karya ini lain daripada lain kerana penulis sangat berdikari tanpa bantuan senior. Menjadi seseorang yang berbeza namun dalam konteks yang positif adalah satu kelebihan. Menjadi diri sendiri itu jauh lebih original, unik dan dihargai. **Nurul Ain Amirrudin**

# **naif**

Pengalaman seorang gadis Melayu berdepan stigma  
dan prejudis di bumi Amerika Syarikat.

**Mimi Salleh**

Diterbitkan oleh:

Dua Penulis PLT

E-mel: [duaPENULIS@gmail.com](mailto:duaPENULIS@gmail.com)

Facebook: Dua Penulis

Laman web: [www.duaPENULIS.com](http://www.duaPENULIS.com)

Hak Cipta Karya © 2020 oleh Mimi Salleh

Hak Cipta Penerbitan @ 2020 Dua Penulis PLT

Cetakan Januari 2020

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini sama ada ilustrasi dan isi kandungannya dalam apa jua bentuk dan cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanikal, rakaman dan sebagainya sebelum mendapat izin bertulis daripada pemilik hak cipta terlebih dahulu.

Perpustakaan Negara Malaysia Data-Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mimi Salleh, 1974-

naif / Mimi Salleh.

ISBN 978-967-13549-9-5

1. Mimi Salleh, 1974--Anecdotes.
2. Muslim women--Anecdotes.
3. Muslim women--Conduct of life--Anecdotes.
4. Anecdotes.

I. Judul.

808.882

Reka Bentuk Kulit: [Ig @theCurlyArtist](https://www.instagram.com/theCurlyArtist)  
Pembaca Prof: Surya Salleh

Dicetak oleh:  
Firdaus Press Sdn Bhd

*Buku ini untuk mereka yang menerima aku seadanya  
tanpa syarat.*



# Kandungan

PENDAHULUAN.....	1
PERSIMPANGAN MASA DEPAN .....	5
PERSEDIAAN JIWA DAN RAGA .....	11
AKU TAHU ABAH SAYU.....	19
BERTEMU DI SUBANG, BERPISAH DI O'HARE.....	25
HOME SWEET HOME .....	33
PANGGIL AKU, MIMI.....	40
KAU PENGGANAS! .....	46
ALAHAI BABI .....	50
MENCARI RAMADAN DI MUSIM SALJI.....	56
NIKMAT YANG MANA HARUS KUDUSTAI.....	62
RINDU CAKAP MELAYU .....	68
“TAKE OFF YOUR HEAD SCARF!” .....	74
RAMADAN DENGAN KELUARGA BAHARU .....	80
WHITE RAYA .....	88
“SPRING FORWARD, FALL BACK” .....	92
BERTUDUNG KERANA DEMAM? .....	96
TEMAN TAPI MESRA.....	102
LELAKI SERUMAH.....	108
YEAH, JUMPA GENGI!.....	114

KONDOM MISTLETOE .....	120
KERJA BASUH AYAM .....	126
MEMORI MANIS MUSIM PANAS.....	132
ANTARA KITA, ADA DIA.....	138
MENJADI RESIDENT ASSISTANT .....	144
RA BUKA PINTU KASIH SAYANG .....	150
AKU POPULAR .....	156
HOMOSEKSUAL: PRINSIP VS TUGAS .....	160
SAYANG ITU TIADA SYARAT .....	166
ADAKAH INI PENGAKHIRAN ATAU PERMULAAN? .....	172
PENUTUP .....	178

## PENDAHULUAN

---

LAMA aku simpan kisah ini.

Tercampak sebagai satu-satunya pelajar Melayu Muslim bertudung dari Gombak ke Illinois State University (ISU) adalah pengalaman yang aku jarang-jarang cerita. Tidak ramai yang tahu cerita ini.

Kenapa kongsi kisah itu sekarang?

Walaupun kisah itu telah berlaku lebih 20 tahun yang lalu dan terangkum dalam tempoh 30 bulan, aku belajar melihat pelbagai sisi masyarakat Amerika dan paling utama aku melihat sisi naif diri. Ya, aku belajar untuk mengenali diri dan membina kekuatan daripada kenaifan itu. Tempoh 30 bulan itu sedikit sebanyak telah membentuk diri aku sekarang.

Aku berusaha berkongsi kisah-kisah ini secara telus termasuk betapa pandirnya aku dalam beberapa isu. Antaranya akan aku kongsi situasi aku berhadapan dengan residen yang baru menjadi lesbian dan aku perlu minta nasihat dengan bos yang gay. Serius, aku baru tahu,

individu yang *coming out* juga melalui fasa meroyan seperti budak dua tahun.

Justeru, ada beberapa topik dalam buku ini aku minta dibaca dengan minda terbuka. Misalnya cerita mengenai kondom dan isu homoseksual. Apa yang aku lalui dan cara aku menangani isu tersebut mungkin tidak sesuai dibuat di Malaysia.

Apabila membaca kisah yang berlaku lebih 20 tahun, tidak perlu membayangkan latar masa filem hitam putih. Itu tahun 50-an. Kisah dalam buku ini bermula di antara akhir bulan Disember 1995 sehingga Mei 1998. Televisyen sudah ada warna, ya.

Menulis mengenai kisah lalu, secara tidak langsung buku ini turut merakam sejarah dan mengembalikan nostalgia perkara yang sudah berubah. Misalnya, 20 tahun yang lalu, internet baru sahaja diperkenalkan. Myspace dan blog mula diminati. Telefon bimbit pada zaman itu berbentuk beg dengan pemegang yang jika dibaling ke dinding boleh berlubang. Oh ya, kamera masih menggunakan filem Kodak.

Aku mengekalkan beberapa nama, produk dan lokasi seadanya bagi mengekalkan konteks cerita. Misalnya Universiti Teknologi MARA (UiTM) dikekalkan sebagai ITM, iaitu Institut Teknologi MARA. Jika aku menulis mengenai naik bas, fahamilah ketika itu tiada LRT, monorel dan sebagainya. Penerbangan ke luar negara

ketika itu hanya melalui Lapangan Terbang Subang. Belum wujud lagi Kuala Lumpur International Airport (KLIA) dan KLIA2.

Malah, bangunan asrama bernama Atkin-Colby di ISU yang menjadi lokasi penting yang telah membina keyakinan aku dan menjadikan aku dikenali telah dirobuhkan pada tahun 2012. Di bangunan itu aku kenal erti kasih sayang tanpa syarat.

Memandangkan buku ini kategori bacaan umum yang turut dibaca oleh golongan remaja dan bujang, aku selitkan juga cerita-cerita ‘cinta manis’ - kisah mamat rambut keriting, hubungan platonik aku dengan dua orang lelaki kacak dan lelaki pertama yang menghulurkan salam perkenalan. Andai buku ini dijadikan drama (lagi wow jika dijadikan filem), diharapkan aku ada kata akhir dalam pemilihan pelakon lelaki (#siscubanasib).

Ini bukan buku agama dan aku bukan ustazah atau pakar motivasi. Jadi tidak timbul isu aku nak mentarbiah sesiapa. Aku hanya berkongsi cara aku menangani isu melalui didikan keluarga, sekelumit ilmu agama dan nilai-nilai murni yang telah banyak membantu aku untuk kekal waras walaupun dipanggil pegganas, disuruh buka tudung, berhadapan dengan pelbagai mazhab agama dan terdedah dengan pelbagai cubaan yang sangat, sangat, sangat menggoda iman.

## **Mimi Salleh**

Selama ini, aku selalu terfikir, 'Kenapa Tuhan campak aku seorang diri di Normal, Illinois ni?'

Mungkin buku inilah jawabannya. Aku diizinkan-Nya untuk melalui semua pengalaman itu untuk berkongsi cerita dengan para pembaca sekalian. Bagi aku, belajar daripada kesilapan orang lain adalah antara ilmu yang boleh diambil manfaat. Ambillah yang elok-elok sahaja daripada buku ini. Mana-mana yang buruk, aku mohon dijadikan ikhtibar.

Aku cadangkan buku ini diberi sebagai hadiah kepada orang muda yang berhasrat hendak bermastautin di luar negara supaya mereka tidak jadi senaif aku.

## **Mimi Salleh**

*27 Disember 2019*

## PERSIMPANGAN MASA DEPAN

---

DI luar tingkap bujur, awan berkepul-kepul seperti kapas. Sesekali gegaran kecil berlaku. Aku melihat sayap kapal terbang yang membelah awan. Inilah hasil imaginasi Ibnu Firnas dan kegilaan anak-anak lelaki Wright untuk terbang seperti burung di langit nan luas.

Sebentar tadi, isyarat lampu tali pinggang dipadamkan. Aku sudah berada 33,000 kaki dari paras laut dan sudah beberapa ribu kilometer meninggalkan Malaysia. Tak sangka, awal tahun itu aku masih berada nun di ITM Arau, Perlis. Letih, bergelumang dengan aktiviti-aktiviti persatuan. Aku memegang tiga jawatan utama di kampus, iaitu ahli Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP), Timbalan Pengarah Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) dan Timbalan Pengarah Minggu Silaturrahim.

Aku tak pernah terfikir apa aku hendak lakukan selepas tamat pengajian diploma. Kawan-kawan sekelas semua sedang kecoh pilih universiti. Aku? Aku masih pening dengan hal persatuan. Buletin JPP perlu disiapkan.

Peperiksaan akhir perlu pulun. Aku nak capai Anugerah Dekan sekali lagi.

Memperolehi Anugerah Dekan adalah satu kepuasan. Menerima sekeping sijil yang tertera Anugerah Dekan menjadi bukti kejayaan mencapai tanda aras Gred Point Average (GPA) 3.5 ke atas. Itu bukti usaha keras. *A sense of achievement*. Tetapi, apabila keputusan semester lima jatuh di bawah 3.5, bohong kalau aku kata tak kecewa.

Di semester lima aku hanya dapat GPA 3.15. Aku tak mahu guna alasan sibuk bagi merasionalkan keputusan GPA itu, tetapi itu yang berlaku. Semester itu aku jadi *overwhelm*. Tiba-tiba aku pegang beberapa jawatan utama di kampus termasuk pikul amanah besar selepas menang pilihan raya JPP.

Aku memegang portfolio Biro Penerangan, jawatan yang aku cuba elak. Aku dah bergelumang dengan dunia penerbitan semenjak usia 14 tahun. Walaupun bukan aku yang membuka syarikat penerbitan majalah tetapi Mak Abah, aku dah muak mengendalikan artikel demi artikel yang berpaksi pada *deadline*. Jadi, apabila kami ditanya nak pegang portfolio apa, cepat-cepat aku minta Biro Hal Ehwal Wanita.

Tup, tup, ada konflik dalaman pula. Jadi, aku secara 'paksa rela' menyerahkan portfolio Biro Hal Ehwal Wanita kepada orang lain bagi menjernihkan suasana. Memang ini takdir aku agaknya. Dah cuba tak mahu terlibat dengan

dunia penerbitan, akhirnya terjebak juga. Antara tugas aku termasuklah menyiapkan Buletin JPP.

Bagaimana tiba-tiba timbul hasrat ke luar negara?

Entah apa mimpi, suatu hari Jesnee tanya jika aku sudah hantar borang permohonan sambung belajar ke luar negara. Jesnee, pemuda Johor dari Fakulti Perakaunan. Walaupun kami berlainan fakulti tetapi kami dipertemukan semasa aktiviti kampus.

Ketika itu aku dan Jesnee baru habis mesyuarat OPKIM. Kami berjalan menuju ke kafe, apabila tiba-tiba Jesnee bertanya, “Dah mohon universiti mana?”

Terkebil-kebil aku memandang pemuda Johor itu sebelum mengalih pandangan ke hadapan. Aku geleng perlahan, “Tak sempatlah Jesnee.”

“Bagi aerogram empat keping. Nanti Jesnee uruskan.” Ringkas sahaja arahannya.

Aerogram, sehelai kertas bersaiz A4 yang dibeli dari Pejabat Pos. Lengkap dengan ruang kosong yang boleh ditulis oleh pengirim. Satu cara yang murah untuk menghantar surat. Tidak perlu sampul surat. Hanya lipat setiap sisi aerogram dan tampal. Nama dan alamat penerima akan ditulis di bahagian hadapan. Nama dan alamat pengirim pula ditulis di bahagian belakang.

Apabila aku serahkan empat keping aerogram berwarna biru, Jesnee bertanya, “Nak ke Amerika atau United Kingdom dan nak sambung pengajian apa?”

Aku ini spesis manusia yang tak suka diberi pilihan. Pilih makanan pun buat aku keliru, inikan pula memilih bidang pengajian. Biarlah Jesnee yang pilih. Aku cuma beri maklumat ringkas.

“Nak ke Amerika. Jesnee pilihlah mana-mana universiti. Apa-apa je dalam bidang bisnes.”

Selepas itu, segala-galanya berlaku pantas. Aerogram yang Jesnee hantar itu menerima balasan daripada tiga buah universiti di Amerika. Ah, sudah. Bagaimana mahu pilih? Selepas satu jam mempertimbangkan, aku pilih Illinois State University (ISU).

Cara aku mudah, dua universiti yang lain memerlukan bayaran yuran pendaftaran permohonan. Tak mahal pun, AS\$28. Tetapi, pendaftaran di ISU percuma sahaja. Menjadi kedekut adalah salah satu cara efektif untuk buat keputusan. Senang, kan.

Sementara menunggu surat seterusnya dari ISU, aku selesaikan dokumen yang lain. Antaranya peperiksaan Test of English as a Foreign Language (TOEFL) dan pinjaman pelajaran. Pada 10 Mac 1996, aku ke Sungai Petani untuk menduduki peperiksaan TOEFL. Aku menumpang tidur di rumah keluarga Yanti. Sebulan kemudian aku terima keputusan TOEFL. Aku dapat markah 560. Fuhh... lega.

Memang rezeki aku, segala-galanya dipermudahkan. Mak Abah tidak tahupun aku memohon untuk ke luar negara. Tahu-tahu sahaja, aku balik ke Kuala Lumpur dan beritahu mereka ada temu duga di bangunan Majlis Amanah Rakyat (MARA). Mak Abah terperanjat.

Aku masih ingat wajah pegawai MARA yang menemu bual aku. Lelaki itu duduk mendengar sambil ibu jari dan telunjuknya bergerak seirama mengurut dagu. Kepalanya sedikit teleng seperti menadah cerita yang aku sampaikan dengan penuh emosi. Cerita yang aku karang semenjak semalam. Dia meluruskan badan.

“Kenapa saya harus pilih awak? Apa kelebihan awak berbanding calon lain?”

Pertanyaan lelaki berkumis nipis berambut ikal seperti sengaja mahu membuat aku gabra. Ligat otak aku memikirkan jawapan paling *win*. Soalan itu sudah biasa aku dengar dalam filem-filem Hollywood. Membayangkan aku adalah watak utama dalam filem itu, aku pun membalas dengan dialog ala-ala berlakon.

“Jika saya diterima, enciklah orang pertama yang saya akan jumpa selepas balik Amerika nanti,” jawabku dengan penuh yakin.

Ada sedikit nada menggoda yang aku selitkan. Apa sahaja cara untuk beri kelebihan akan aku gunakan untuk memenangi peperangan saraf ini. Ya, saat ini umpama

perjuangan mental dan emosi. Aku sedang berjuang untuk mendapatkan pinjaman pelajaran MARA.

Aku nampak hujung bibir kanan Encik Fuad terjongket. Dia tersenyum. Adakah janji untuk berjumpa Encik Fuad selepas balik Amerika itu yang telah menerbitkan senyum dibibirnya? Aku tak pasti. Melihat pada senyuman pegawai MARA itu, aku yakin peluang untuk aku berjaya dalam temu duga ini tinggi. Aku ucap terima kasih dan keluar meninggalkan pejabat kecil itu.

Melintas bangunan biru di Jalan Tuanku Abdul Rahman itu, bas berwarna merah jambu berhenti silih berganti. Aku perlu tunggu bas nombor 41 untuk balik ke Taman Seri Gombak.

Sementara menunggu bas, kepala aku ligat mengatur jadual. Minggu itu aku terpaksa balik semula ke Perlis. Bulan hadapan peperiksaan akhir. Mesti buat latihan tubi. Dapatkah aku Anugerah Dekan sekali lagi?

## PERSEDIAAN JIWA DAN RAGA

---

GEGARAN kecil mengejutkan aku daripada lamunan. Pramugari sedang menolak troli makanan menuju ke bahagian hadapan kapal terbang. Aku kembali melihat ke luar tingkap bujur.

Selesai temu duga MARA, aku terus balik ke kampus. Siang malam aku di perpustakaan membuat ulang kaji. Masa berlalu pantas. Sedar-sedar, sudah sampai masa menduduki peperiksaan akhir. Tanggal 27 Jun 1996 adalah hari terakhir peperiksaan subjek Personel. Susah gila. Aku pasrah. Dah usaha, selebihnya aku berserah kepada-Nya.

Tiga tahun di ITM Arau aku kaut pelbagai pengalaman. Biarlah orang kata, ITM itu untuk yang gagal memasuki universiti. Yang pasti, di sini tempat aku belajar berdikari dan membina jati diri.

Siapa sangka budak bercermin mata, berkulit kusam, berjerawat dan pemalu akan memegang hampir semua jawatan utama di kampus. Adakah aku popular? Bagi aku definisi popular itu sangat subjektif.

## Mimi Salleh

Ya, mereka nampak gambar aku terpampang di poster JPP. Ya, setiap lima minit ada sahaja adik-adik *freshie* yang menegur dan kakak serta abang OC (*orientation committee*) yang kenal aku. Ya, Timbalan Hal Ehwal Pelajar (HEP) sehinggalah ke pegawai pentadbiran kenal nama Mimi Salleh, tetapi mereka kenal aku sebagai Mimi JPP atau Mimi OPKIM atau Mimi Timbalan Pengarah OC. Itu semua tanggungjawab dan bukannya populariti.

Pada semester akhir itu, aku dapat tahu, ada seorang kawan yang aku hormati menabur cerita kepada kawan-kawan yang lain, “Aku sokong Mimi bertanding JPP kerana dia gila kuasa.” Perghhhh, pedih!

Menjadi calon dan seterusnya bertanding bukanlah disebabkan *duress* atau ada orang acu pisau di leher. Oh, tidak. Aku bertanding dengan rela hati untuk menjadi wakil pelajar. Sebarang pujian dan tohmahan, aku anggap sebagai pakej dalam memikul tugas itu. Jika itu dikatakan harga sebuah populariti, aku terpaksa terima. Setiap pengalaman itu berharga.

Banyak-banyak pengalaman yang aku kutip di ITM, ada satu pengalaman aku tak sempat lalui - pengalaman bercinta. Serius, jika ada subjek Asas Bercinta 101, aku antara orang yang pertama akan mendaftar. Memang aku naif bab-bab cinta ini.

Ada dua tiga orang pelajar lelaki cuba nak ‘usha’. Ada yang sengaja datang ke meja semasa aku lepak di

perpustakaan, konon nak tanya soalan. Ada yang jalan rapat-rapat dengan alasan suara aku perlahan. Jika ini permainan badminton, sah-sah bola tangkis dah dilontar ke arah aku. Cuma aku yang tak pandai bermain badminton. Aku hanya pandang bola tangkis jatuh ke dalam gelanggang.

Pengalaman berkawan? Alhamdulillah. Aku ramai kenalan perempuan. Pada waktu malam, selepas tamat peperiksaan, kami buat majlis perpisahan di bilik Dalina. Aku tahu, itulah saat terakhir kami akan berkumpul bersama-sama. Sedih, tetapi hidup harus diteruskan. Semasa giliran aku untuk memberi sepatah dua kata, aku doakan sukses kepada semua.

“Jika lihat bulan purnama, ingatlah kita melihat bulan yang sama,” kata aku sambil menahan sebak.

Bunyi sedikit klise, biarlah. Walaupun bukan hak aku untuk ‘chup’ bulan purnama yang bersinar itu sebagai milik peribadi, aku tetap hadiahkan momen itu kepada kawan-kawan yang ada. Walaupun kami akan membawa hala tuju masing-masing, aku harap kami akan saling berhubung.

Perjalanan pulang dari Arau ke Kuala Lumpur mengambil masa lapan jam. Barangan aku penuh sehingga ada yang terpaksa diriba. Dalam kereta, Mak dah siap-siap beritahu, “Sementara cuti, kerja di ofis.” Alahai... baru berangan-angan nak qada tidur.

Abah masih bekerja sebagai wartawan di sebuah syarikat surat khabar apabila syarikat penerbitan Pustaka Wira Sdn Bhd (PWSB) ditubuhkan pada akhir tahun 80-an. Mak yang uruskan syarikat. Aku masih ingat Mak dan Abah di pejabat sehingga larut malam. Apabila Ira (adik bongsu yang berusia 3 bulan) menangis, aku telefon pejabat. Mereka akan balik mengambil Ira dan kembali ke pejabat menyiapkan majalah.

“Excuse me Miss... which do you prefer, chicken or fish?”

Lamunan aku terhenti. Tak sedar bila masa pramugari tiba dengan troli makanan. Aku jawab ayam lalu dihulurkan dulang comel berisi bekas makanan, cawan dan manisan. Membuka bekas makanan itu aku teringat Mak yang selalu membakar ikan di dapur pejabat PWSB menggunakan *foil*.

Pejabat PWSB sudah aku anggap sebagai rumah kedua. Arahan Mak untuk aku ke pejabat selepas habis peperiksaan di ITM sama seperti arahannya menyuruhku membasuh pinggan di rumah. Arahan bekerja dan budaya keluarga tiada beza. Di pejabat, aku membuat kerja-kerja rencam seperti kerja-kerja terjemahan, membungkus majalah dan menghubungi penghutang.

Aku masih ingat tarikh, 8 Julai 1995. Aku balik dari pejabat, terselit di celah pagar sampul surat bersaiz A4. Pinjaman pelajaran MARA aku diluluskan. Mereka

memerlukan dokumen seperti keputusan TOEFL, pemeriksaan kesihatan dan surat kemasukan ke ISU. Beberapa hari kemudian aku terima keputusan peperiksaan. Aku berjaya capai Anugerah Dekan untuk semester akhir. Alhamdulillah.

Selepas dari tarikh itu, aku seperti berjalan di awang-awangan. Banyak dokumen yang perlu diuruskan seperti dokumen perjanjian pinjaman pelajaran perlu dikepikan surat sumpah, perlu cari penjamin dan aku perlu dapatkan informasi penempatan di Amerika nanti.

Dua kali aku telefon ke Amerika bercakap dengan pegawai pentadbiran ISU (entah berapa kos bil telefon yang Abah perlu bayar). Dalam perbualan 10 minit itu, beberapa informasi berjaya aku kumpul mengenai ISU, iaitu tiada pelajar Melayu, tiada persatuan Malaysia atau persatuan Muslim dan aku akan tinggal di asrama. Maklumat terakhir itu yang paling penting.

Dua minggu sebelum berangkat, semua dokumen penting sudah siap. Pasport, cek kembara, salinan sijil akademik, tawaran pinjaman pelajaran dan surat tawaran belajar di ISU. Sesekali, aku cubit lengan. Masih tidak percaya impian untuk main salji bakal tercapai.

Tiga hari sebelum bertolak ke Illinois, Amerika, aku selesaikan urusan mengemas beg. Mak memasak di dapur. Abah di pejabat. Adik-adik di sekolah. Mak Jah sedang mencekak rambut aku.

“Mak Jah nak potong paras mana...?”

Belum habis aku tanya, Mak Jah cekak erat rambut aku dan zap. Asalnya rambut di paras pinggang, kini kontot di paras bahu. Setahun aku belai rambut mengurai itu. Kini, dah terkumpul di atas surat khabar. Terus ringan rasa kepala.

“Senang rambut pendek, senang nak bergerak.” Aku angguk sahaja mendengar rasional Mak Jah. Wanita separuh usia itu segera mengutip helaian rambut yang berterbangan langsung merenyukkan surat khabar.

‘Good bye hair.’

Mak Jah, adik bongsu Abah. Lega bila Mak Jah sampai. Semua perkara diingatkan - rambut potong, pakaian digulung, duit simpan - semua memudahkan kerja aku. Aku bersimpuh di hadapan beg pakaian berwarna hijau yang terbuka. Sengaja beg itu diletakkan di ruang tamu. Mudah, tak perlu bersusah-payah mengangkat turun tangga. Cuma, masalah aku, tidak tahu barang yang harus dibawa.

Lama aku tenung isi beg. Telekung, tuala dan cadar sudah aku gulung seperti pesan Mak Jah. Apa lagi yang belum dimasukkan?

Ikut kata Mak Jah, bawa barangan serba satu sahaja - cadar, selimut, pakaian, kot - lain-lain barang boleh beli di sana. Kak Noni, cucu saudara Abah meminjamkan kot

panjang berwarna biru. Aku beli satu lagi kot pendek. Di dalam satu beg plastik, ada rempah dan serbuk kari daging saiz besar. Aku dengar kawan-kawan bercerita, di sana rempah-ratus mahal harganya. Jadi, aku bawa satu peket sahaja.

Melihat pakaian yang berlipat dan bergulung, ada sedikit rasa gemuruh. Paling jauh aku bermusafir seorang diri, itulah ke Arau, Perlis. Kali ini akan terbang ke seberang laut, beribu-ribu kilometer dari tanah air. Debaran di hati, aku anggap sebagai rembesan adrenalin keterujaan.

Bagi aku, saat itu adalah peluang untuk aku belajar hidup berdikari di negara orang. Alhamdulillah, sehingga saat itu, Dia permudahkan urusan aku. Aku berdoa semoga Allah melindungi aku di sana nanti.



## AKU TAHU ABAH SAYU

---

AKU terjaga. Jam menunjukkan pukul 3 pagi waktu Malaysia. Aku buka sedikit penutup tingkap bujur. Ada percikan cahaya merah terbit di ufuk. Tidak pasti sempadan negara mana kapal terbang kami sedang lalu. Cahaya merah di langit itu sama seperti yang kulihat dalam perjalanan menuju ke Lapangan Terbang Subang beberapa jam sebelum itu.

Selepas Subuh, kami bertolak ke lapangan terbang. Iskandar, Surya dan Ira sambung tidur dalam kereta. Mak dan Abah seperti biasa, bersembang topik yang aku tidak tahu yang mana hujung dan yang mana pangkal. Ajin dah ucap 'bye-bye' di rumah. Kereta kecil tidak lolos untuk memuatkan kami tujuh beranak.

Sepanjang perjalanan ke lapangan terbang, aku sedar 21 tahun membesar di bawah langit Malaysia, aku sudah biasa dengan hujan dan panas negara khatulistiwa. Entah bagaimana rasanya sejuk dan pemandangan salji di Amerika?

Melihat ke luar tingkap, aku mahu tangkap dan simpan memori yang kulihat. Cahaya merah di langit kulihat seperti lampu yang mengambil masa untuk menerangi alam. Pohon-pohon menghijau saujana mata memandang seolah-olah hamparan yang bercantum dengan kelompok awan gelap di ufuk timur. Rasa rindu mula bertandang. Malaysia akan kutinggalkan.

Pagi itu, sengaja aku pakai blazer putih dengan seluar merah hati. Nampak separa formal. Ini bukan kali pertama aku menaiki kapal terbang. Kerap juga kami sekeluarga ke Indonesia. Abah kenal ramai kenalan wartawan, penulis dan pelukis Indonesia. Tetapi, ini adalah kali pertama aku bermusafir tanpa mahram. Jauh pula destinasi kali ini.

Tiba di lapangan terbang, Abah angkat dan letak beg hijau segi empat itu ke atas troli. Dari dalam kereta, Abah hanya berbual dengan Mak. Aku tahu Abah sedih melepaskan aku merantau beribu-ribu kilometer. Amerika bukan seperti Perlis yang hanya 8 jam naik bas. Komunikasi bisu antara aku dan Abah hanya kami yang faham.

Di kaunter Malaysian Airlines (MAS) tak sangka terjumpa tiga orang pelajar ITM Arau dari Fakulti Perniagaan tetapi berlainan kumpulan. Mereka turut berlepas pada hari yang sama ke universiti berbeza.

Aku lihat sekeliling, anggaran 20 orang yang akan menaiki pesawat yang sama. Ada wajah keterujaan, ada wajah yang hampir-hampir mengeluarkan air mata. Aku tak pasti apakah ekspresi di wajah aku. Aku harap bukan wajah 'jakun' naik kapal terbang.

Jam 8 pagi, seorang pegawai minta kami berkumpul. Ada penerangan ringkas. Menurut pegawai itu, kami akan transit di Narita, Jepun sebelum ke Los Angeles, Amerika Syarikat. Di situ, kami akan mula bertebaran di seluruh pelusuk Amerika Syarikat ke destinasi masing-masing.

Ketika pegawai memberi penerangan itu, aku tidak ambil perhatian sangat. Mata terpancang salah seorang pelajar lelaki dalam kumpulan yang sedang berkumpul. Sesuatu pada si dia yang menarik perhatian aku. Tinggi gempal beranggaran enam kaki, berkulit cerah dan berambut keriting. Mungkin sebab dia berpakaian lebih santai daripada yang lain. Aku lihat pakaiannya seperti mahu balik kampung sahaja, t-shirt putih dan seluar jeans.

“Sebentar lagi kita akan masuk ke balai berlepas. Pastikan pasport sudah sedia,” pesan pegawai MARA memutuskan layanan perasaan aku. Mamat berambut keriting hilang entah ke mana.

Sementara ada masa yang berbaki beberapa minit, aku ambil kesempatan bergambar dengan alumni ITM Arau. Aku tulis 'alumni ITM Arau' sebab aku tak ingat nama mereka. Kelemahan diri yang aku cuba perbaiki.

Aku harap cukuplah filem Kodak dalam kamera. Setakat ini, aku dah ambil empat *shot* gambar. Ada 32 *shot* lagi. Kamera jenama Nikon ini Mak hadiahkan sempena graduasi. Aku panggil 'kamera bodoh' kerana aku hanya perlu sasarkan lensa pada objek dan tekan butang. Mudah. Tidak perlu fikir komposisi atau pencahayaan.

“Cepat, Mah.” Abah kelihatan gelisah. Mak segera hুলurkan tangan.

Aku sambut tangan Mak. Aku faham sangat perangai Abah. Dia sedih untuk melepaskan anak daranya jauh ke negara Mat Saleh tapi dia kawal hatinya untuk tidak tunjuk perasaannya. Itu yang dia ajak Mak cepat-cepat balik.

“Dah sampai, terus telefon, ye.” Ada serak pada suara Mak.

Aku angguk. Pipi aku Mak cium, kiri dan kanan. Sempat aku jeling ke kiri, ternampak hidung Abah memerah.

Adik-adik beratur bersalaman. Beg sandang segera disangkut di bahu. Pelajar yang lain masih mengambil gambar dengan keluarga. Aku mahu segera masuk ke kawasan kaunter imigresen. Berlama-lama dengan Mak dan Abah, nanti aku pula yang sedih.

Menampal senyum lebar, aku melambai laju kepada Mak, Abah dan adik-adik seperti mengelap cermin kereta

sehingga selepas pintu masuk. Aku lambai sehingga hilang bayang mereka.

Melangkah masuk ke pintu menuju kaunter imigresen, aku tarik nafas panjang. Allahuakhbar. Kulepaskan nafas diiringi zikir di hati. Bermulalah musafir aku ke Illinois, tanah kelahiran Ronald Reagan, Presiden Amerika Syarikat ke-40.



## **BERTEMU DI SUBANG, BERPISAH DI O'HARE**

---

HENTAKAN mengejutkan aku. Laaa... aku tertidur semula. Entah macam mana rupa aku tidur tadi. Harap-harap aku tak berdengkur. Aku jeling orang yang duduk bersebelahan.

Menaiki kapal terbang, aku tidak ingat orang yang duduk bersebelahan. Aku lebih banyak melayan perasaan. Bagaimanakah lanskap Normal-Bloomington? Sejukkah? Siapa yang akan tunggu aku di Lapangan Terbang Bloomington?

“Kita akan mendarat di Lapangan Terbang Narita, Jepun sebentar lagi. Bagi yang akan meneruskan penerbangan, sila pastikan pasport dan tiket dikepalkan bersama.”

Suara juruterbang tenang menerangkan prosedur. Pramugari dan pramugara ke hulu ke hilir meminta penumpang menegakkan kerusi dan merapatkan meja.

Aku ketatkan tali pinggang dan duduk tegak. Telinga berdengung apabila kapal terbang mula mendarat.

Melangkah keluar pintu kapal terbang dan melalui terowong ke ruang transit, angin dingin bumi sakura menyapa wajah. Aku tersengih, merasa juga menjejakkan kaki di negara yang pernah menjajah Malaysia. Walaupun hanya transit empat jam, aku sudah boleh tanda ‘dah sampai’ Jepun.

Sementara tunggu, sempatlah berkenalan dengan beberapa pelajar Malaysia. Soalan biasa ... tajaan dari mana? Asal mana? Ambil kursus apa?

Minggu lepas, aku telefon Pejabat Pentadbiran ISU. Menurut mereka, seorang pegawai bernama Marilyn akan menunggu aku. Bagaimana agaknya rupa Marilyn? Bolehkah aku berkomunikasi dengan baik? Walaupun semua buku rujukan dan pengajaran di ITM dalam bahasa Inggeris, aku tidak pernah bercakap bahasa Inggeris dalam ayat lengkap.

Pengumuman untuk bersedia masuk ke pesawat menyebabkan penumpang mula beratur. Laluan seterusnya menuju ke Los Angeles (LAX). Jauh sungguh. Tidur, bangun, tidur semula dan bangun masih belum sampai. Kebas juga duduk berjam-jam. Aku hanya bangun sekali ke tandas. Malas hendak beratur. Selepas melepaskan hajat, aku sambung tidur.

Aku terbangun apabila pramugari dan pramugara MAS mula berjalan di setiap laluan meminta para penumpang untuk menegakkan kerusi. Dengung di telinga masih berbaki apabila tayar kapal terbang mencecah landasan. Kuasa inersia menyebabkan para penumpang tersentak ke depan.

Aku lihat wajah-wajah penumpang yang teruja. Kawan-kawan yang baru kukenali juga ceria. Yalah, sudah sampai Amerika Syarikat. Dapat jumpa Mat Saleh, main salji dan melalui kehidupan rakyat Amerika yang selama ini ditonton di televisyen.

Sebaik melangkah keluar, angin dingin menerpa. Ya ampun, sejuknya angin. Ini tiada salji sudah menggigil. Bagaimana jika turun salji? Adakah akan membeku? Udara sejuk berkepul-kepul keluar apabila aku bernafas.

Aku nampak mamat rambut keriting jalan laju di hadapan. T-shirt putih sudah dipakaikan jaket kulit berwarna coklat. Aku tidak sempat mengetahui nama dia. Di Narita, nampak dia dari jauh sahaja. Malu weiii nak tegur. Sekadar 'cuci mata' tak berdosa, kan?

Memasuki lapangan terbang LAX, aku melopong. Ramai sungguh manusia. Aku dapat tahu LAX adalah pintu masuk antarabangsa yang terbesar di Amerika Syarikat. Kami berjalan berkumpulan menuju ke terminal destinasi seterusnya. Takut sesat, aku ikut rapat.

Aku kira bilangan kami yang akan meneruskan perjalanan ke Lapangan Terbang Chicago O'Hare. Sudah berkurangan. Rupa-rupanya ada yang sudah menuju ke destinasi berbeza. Semakin terasa perjalananku sebagai seorang musafir.

Dari Los Angeles ke Chicago, kami menaiki United Airlines. Aku lihat sekeliling. Kerusinya lebih luas. Pramugari mereka berbadan besar dan kelihatan tua. Aku gelak dalam hati. Lain sungguh wajah pramugari United Airline berbanding pramugari MAS.

Penerbangan dari LAX ke Chicago O'Hare tidak lama. Empat jam sahaja, seperti memandu dari Kuala Lumpur ke Johor Bahru. Aku masih dalam mod waktu Malaysia. Jam di tangan juga masih ikut waktu Malaysia. Berpuluh-puluh jam melalui penerbangan merentas lautan, aku tidak pasti adakah aku bersedia untuk mengakui sudah jauh meninggalkan Malaysia?

Menjejakkan kaki di Chicago bermakna aku sudah semakin menghampiri destinasi akhir. Satu lagi penerbangan sebelum tiba di Normal-Bloomington. Aku lihat pegawai yang mengiringi mula melambai memanggil kami berkumpul. Kami diberi tiket penerbangan seterusnya.

“Siapa Mimizairul Murni?”

“Saya.”

“This is your connecting flight ticket.”

Dari awal aku sudah tahu perlu menaiki empat penerbangan untuk sampai ke destinasi akhir - Subang ke Narita, Jepun seterusnya memasuki Amerika Syarikat melalui Los Angeles, kemudian ke Chicago dan akhir sekali ke Bloomington, Illinois. Saat menerima tiket itu, baru aku sedar, aku seorang sahaja ke Bloomington, Illinois. Tiada pelajar lain yang menuju ke arah yang sama.

Aku bersalaman dengan mereka sebelum bergerak menuju ke pintu berlepas. Kali ini aku benar-benar keseorangan. Takut? Tidak. Lebih pada keterujaan untuk melihat tempat baharu. Aku fokus menuju ke pintu berlepas apabila tiba-tiba ada yang menegur.

“Assalamualaikum.”

“Walaikumussalam.” Balasku seraya menoleh ke belakang. Pipi terasa panas. Selepas 22 jam dan hampir separuh dunia kami terbang bersama, baru kini si mamat rambut keriting menegurku.

“Awak nak ke mana? Saya ke Wisconsin.”

“Saya, ke Bloomington.” Kataku terputus-putus.

Kami tiba di ruang menunggu. Aku pilih kerusi yang bersebelahan pintu berlepas.

“Awak, seorang sahaja ke Wisconsin?”

Dia mengangguk lalu duduk bersebelahan. Jantungku berdegup seperti nak meletup. Mengapalah mulut aku tidak boleh berhenti tersengih.

“Saya Isham.”

“Mimi.” Jawabku ringkas. Kepala ligat memikir apa lagi yang nak ditanya.

“Flight Isham pukul berapa?”

“3 jam lagi.”

Tidak kusangka Isham ramah orangnya. Dia 2 tahun lebih tua daripada aku. Asal Pulau Pinang. Dia ambil kursus kejuruteraan. Pelbagai topik kami sembang sehingga terdengar pengumuman menuju ke Bloomington, Illinois. Itu destinasi aku.

Aduhai, kenapalah sedang syok sembang, masa cepat sahaja berlalu. Sebelum berpisah, dia minta alamat untuk dihubungi. Sengih aku kembali.

Isham beri aku kertas untuk salin alamat. Maklumat tempat tinggal telah dikepilkan bersama-sama dengan dokumen yuran. Aku akan tinggal di Walker Hall. Aku salin alamat dan serahkan kepada si mamat rambut keriting.

“Nanti kita keep in touch ye...”

Isham melambai sebelum aku melangkah ke pintu menuju ke kapal terbang. Aku angguk dengan senyuman

## NAIF

dikawal, walaupun sebenarnya hati aku melompat-lompat seperti cengkerik kegirangan. Siapa sangka musafir aku ke Amerika Syarikat telah menemukan aku dengan Isham. Entah apa lagi perancangan Tuhan untuk aku selepas ini?

Boleh dapatkan buku ini di <https://duapenulis.com>